

JERAYAWARA JOM CUTI-CUTI MALAYSIA 2023 TAWAR DISKAUN JUALAN PAKEJ PELANCONGAN SEHINGGA 50 PERATUS

PETALING JAYA, 10 Jun 2023 - Program pameran dan jualan Jerayawara Jom Cuti-Cuti Malaysia (JCCM) 2023 yang berlangsung selama tiga hari di 1 Utama Shopping Centre bermula semalam, menawarkan lebih 100 pakej pelancongan pada tawaran diskaun antara 15 sehingga 50 peratus.

Antara pakej yang disasarkan bakal menarik minat pengunjung ialah Pakej Eksplorasi 8 Pulau di Semporna, Pakej Jelajah Kota Kinabalu dan Kundasang, Pakej Kereta Api ke Dabong, Pakej Glamping di Lenggong, Pakej Berbulan Madu & *Candlelight Dinner* di Langkawi, Pakej Percutian di Gunung Jerai, Pakej Cuti-Cuti Cikgu, Pakej Pelancongan Durian dan Pakej Minat Khas Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-50 Tourism Malaysia.

Dato' Dr. Ammar Abd. Ghapar, Ketua Pengarah Tourism Malaysia berkata, penganjuran JCCM 2023 yang memasuki siri ketiganya pada tahun ini, antara lain bertujuan merencanakan lagi aktiviti pelancongan domestik menerusi penjualan pakej pelancongan secara terus kepada pengguna.

"Selain menggalakkan rakyat Malaysia untuk merancang percutian di dalam negara, kita juga mahu membantu meningkatkan ekonomi penggiat industri tempatan. Oleh itu, sebanyak 40 penggiat industri terdiri daripada agensi dan pemilik produk pelancongan, hotel serta taman tema mengambil bahagian pada kali ini.

"Tawaran eksklusif kepada para pengunjung melibatkan potongan diskaun pakej pelancongan "value for money" hanya boleh diperoleh dalam tempoh tiga hari sepanjang jerayawara ini berlangsung di sini," katanya.

Tourism Malaysia dengan kerjasama Tourism Melaka turut menyediakan Pusat Informasi Pelancongan Bergerak (TIC Mobile) di pusat beli-belah berkenaan bagi mempromosikan pelancongan negeri Melaka sempena penganjuran Tahun Melawat Melaka 2024.

JCCM 2023 yang dilancarkan pada 25 Februari lalu di the Curve Mutiara Damansara, telah memulakan siri jelajahnya di AEON Mall Nilai, Negeri Sembilan pada 26-28 Mei 2023. Jerayawara ini akan diteruskan ke lima lagi lokasi di seluruh negara iaitu di AEON Mall Kinta City pada 14-16 Julai diikuti oleh AEON Mall Shah Alam (25-27 Ogos), Sunway Carnival Mall (29 September - 1 Oktober), Sunway Pyramid (27-29 Oktober) dan AEON Mall Bandaraya Melaka (10-12 November).

Selain daripada pameran dan jualan pakej pelancongan, JCCM 2023 turut menyajikan persembahan tarian kebudayaan, demonstrasi kraftangan, pertunjukan roti canai terbang, kuiz pelancongan serta cabutan bertuah kepada pengunjung yang hadir.

TAMAT

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa. Untuk maklumat lanjut, layari akaun media sosial Tourism Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#), [Twitter](#), [YouTube](#), and [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Maizatul Liza Mukhtar Penolong Pengarah Bahagian Domestik & Acara maizatulliza@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8493	Muadz Samat Penolong Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat muadz@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8755
---	--